

SOALAN NO. 50

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA YANG BERHORMAT TUAN WONG CHEN
[KELANA JAYA]

TARIKH 15 MAC 2016

SOALAN :

YB Tuan Wong Chen [Kelana Jaya] minta PERDANA MENTERI menyatakan senarai kesemua lawatan rasminya ke Iuar negara pada tahun 2015. Berapakah jumlah perbelanjaan yang telah ditanggung sepanjang lawatan-lawatan ini.

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID.
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah lawatan rasmi ke luar negara oleh YAB Perdana Menteri pada tahun 2015 adalah sebanyak 22 lawatan. Perbelanjaan-perbelanjaan untuk lawatan tersebut adalah dibuat mengikut kelayakan beliau sebagai Ketua Kerajaan. Perbelanjaan-perbelanjaan yang dibuat ini juga telah dibentang untuk mendapat persetujuan Jemaah Menteri.

Sekian, terima kasih.

SOALAN (51)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN

TARIKH

15 MAC 2016 [SELASA]

DARIPADA

Y.B. TUAN ER TECK HWA [BAKRI]

SOALAN

Y.B. TUAN ER TECK HWA [BAKRI] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan lokasi pasar awam dan pasar tani yang baru disediakan, akan disediakan dan tidak mempunyai penyewa yang melebihi 50% mengikut tahun 2011 hingga 2016.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menyediakan peruntukan bagi membina baharu atau menaiktaraf pasar awam di dalam kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Dari tahun 2011 hingga 2016, sejumlah 21 projek pasar awam telah dilaksanakan di seluruh negara. Status terkini projek pasar awam tersebut adalah 14 projek telah disiapkan, 3 projek masih dalam pelaksanaan dan 4 projek baru tahun 2016. Pecahan mengikut negeri dan lokasi adalah seperti berikut:

		<i>Lokasi</i>				
Johor	1	Segamat	2	Johor Bahru	-	
				Batu Pahat		
Kedah	1	Alor Setar	-	-		-
Kelantan	2	Gua Musang	-	-	1	Dabong
		Dabong	-	-	-	-
Melaka	-	-	-	-	1	Jasin
Negeri Sembilan	-	-	-	-	1	Jelebu
Pahang	2	Lipis	-	-	-	-
		Rompin	-	-	-	-
Perak	1	Ipoh	1	Ipoh	1	Manjung
Perlis	1	Kangar	-	-	-	-
Terengganu	1	Kuala Terengganu	-	-	-	-
Sabah	2	Beaufort	-	-	-	-
		Tuaran	-	-	-	-
Sarawak	3	Lundu	-	-	-	-
		Bintulu	-	-	-	-
		Simunjan	-	-	-	-

Berdasarkan maklumat yang diterima, daripada 14 projek pasar awam yang telah siap, semua pengisian penyewa adalah melebihi 50% kecuali bagi Projek Pasar di Bintulu, Sarawak kerana kerja-kerja menaiktaraf pasar sedang dijalankan oleh PBT menggunakan peruntukan sendiri.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2016